



Koperasi Tunas Muda
Sungai Ara Berhad

KELUARAN September 2007
Bil. 8

UNTUK ANGGOTA SAHAJA
www.tunasmuda.com.my

Buletin Tunas Muda

PENYERAHAN KUNCI RUMAH

>> oleh: Mohd Noh Hashim / Saidin Hamid

Majlis perasmian Taman Pagar Buloh dan penyerahan kunci projek perumahan peruntukan kepada anggota Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) yang berlangsung di Pagar Buloh, Sungai Ara pada 5 Ogos 2007 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Dato' Seri Abdul Rashid Abdullah.

Menurut Abdul Rashid dalam ucapannya memuji barisan lembaga pengarah dan pengurusan KTMSAB kerana mampu meletakkan KTMSAB pada tahap kejayaan yang membanggakan dan seharusnya menjadi contoh kepada koperasi lain di negara ini.

Kata beliau lagi ini terbukti apabila KTMSAB telah menerima anugerah tertinggi iaitu Anugerah Ketua Menteri Peringkat Negeri Pulau Pinang kali kedua berturut-turut semasa majlis Hari Koperasi Negara 2007 pada 7 Julai 2007.

Sementara itu Pengurus KTMSAB, Rahim Osman berkata sebanyak 87 unit rumah diperuntukan kepada anggota di Taman Pagar Buloh Fasa 2 dan 100 unit rumah diperuntukan kepada 50 anggota di Krystal Suria Bukit Jambul. Katanya lagi projek peruntukan Taman Pagar Buloh mempunyai 3 Fasa. Fasa 1 yang siap tahun 1998,

mempunyai sebanyak 84 unit. Fasa 1 dan Fasa 2 tersebut KTMSAB yang membina rumah dan diserahkan kepada anggota manakala Fasa 3 (26 unit tapak) adalah merupakan peruntukan lot-lot tapak bina sendiri. Anggota yang menerima lot-lot tapak tersebut akan membina rumah mereka mengikut citarasa mereka sendiri. Ulasnya lagi sememangnya menjadi hasrat KTMSAB untuk menyediakan perkhidmatan, faedah dan pulangan terbaik kepada anggota di dalam penyediaan skim perumahan yang berkualiti dalam persekitaran yang selesa.

KTMSAB telah mengenal pasti beberapa projek untuk terus dijalankan bagi mempercepatkan pemberian peruntukan anggota serta memenuhi sasaran tahun 2007. Sehingga bulan Jun 2007 sebanyak 1133 atau persamaan 84.9 % anggota telah mendapat peruntukan dan menerima tawaran peruntukan.

Mengikut perancangan baki seramai 201 orang anggota ini boleh ditentukan jenis dan lokasi peruntukan mereka sebelum hujung tahun 2007.



Serah kunci....Salah seorang anggota menerima kunci daripada Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Dato' Seri Haji Abdul Rashid Abdullah.

Belanjawan tahun 2007 telah memperuntukkan RM7.9 juta untuk projek tanpa pendapatan. Ini adalah salah satu langkah drastik yang akan diambil oleh pengurusan bagi menampung kerja-kerja pemindahan, penyediaan rumah anggota dan rumah transit dan koskos yang berkaitan untuk mempercepatkan pemberian rumah peruntukan kepada anggota-anggota koperasi.

Kesemua perancangan tersebut hanya akan berjaya dilaksanakan sekiranya semua anggota-anggota yang terlibat dengan pemindahan di kawasan berkenaan memberikan kerjasama.

ZAKAT 2006



Alhamdulillah... Majlis Ijtimao Wakaf dan Zakat Perniagaan badan-badan korporat berlangsung di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada 26 Aug 2007. Majlis perasmian ini disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Mat Zain.

Pembayaran Zakat Perniagaan koperasi sebanyak RM472,605.00

bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005 sebanyak RM276,522.00. Zakat tersebut diserahkan kepada Pusat Urus Zakat (PUZ) disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Dato' Seri Haji Abdul Rashid Abdullah, YDP Pusat Urus Zakat Ust Hishamudin, penasihat agama Perdana Menteri Tan Sri Hamid Osman serta Pengurus, Setiausaha dan Bendahari Koperasi.

Peruntukan Sediada Yang Boleh Ditawarkan Kepada Anggota tahun 2007.

| PROJEK | JUMLAH (ANGGOTA) |
|--|------------------|
| Pelarasan RM160,000.00 (Luar Pulau Pinang) | 2 |
| Pilihan kedua (Bina sendiri) Jalan Tengah Fasa 7 | 4 |
| Rumah Sesebuah 2 Tingkat di Kampung Perlis | 10 |
| Rumah Sesebuah 1 Tingkat di Kampung Perlis | 19 |
| Pilihan kedua (Bina Sendiri) di Kampung Perlis | 4 |
| Rumah Teres Setingkat di Kampung Perlis | 53 |
| 2 Unit Rumah Pangsa Di Kampung Perlis | 43 |
| JUMLAH | 135 |

Carta perancangan pemberian peruntukan untuk tahun 2008

| PROJEK | JUMLAH (ANGGOTA) |
|--|------------------|
| Rumah Sesebuah 2 Tingkat di Jalan Tengah Fasa 7 | 4 |
| Rumah Sesebuah 1 Tingkat di Jalan Tengah Fasa 7 | 4 |
| Rumah Berkembar 2 Tingkat di Jalan Tengah Fasa 7 | 20 |
| Rumah Berkembar 1 Tingkat di Jalan Tengah Fasa 7 | 20 |
| Sungai Tiram Fasa 2 | 76 |
| Kos Sederhana Rendah di Kampung Perlis | 77 |
| JUMLAH | 201 |



ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

>> oleh: Siti Khatijah Hamid

Majis Mesyuarat Agung Tahunan ke 35 Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad telah diadakan pada hari Ahad 17 Jun 2007 yang bertempat di Stadium Arena Antarabangsa Pulau Pinang (PISA). Untuk makluman anggota, perlantikan lembaga dan jawatankuasa audit dalaman serta jawatankuasa-jawatankuasa adalah seperti di berikut:-

Anggota Lembaga Koperasi

| | |
|---|------------|
| Tuan Haji Rahim Bin Osman <i>DJN, PJK</i> | Pengerusi |
| Encik Mohd Razid Bin Arshad | Setiausaha |
| Encik Mohd Nagib Bin Ahmad | Bendahari |
| Tuan Haji Abu Bakar Bin Mohamad | Lembaga |
| Tuan Haji Abd. Majid Bin Makam <i>PJM</i> | Lembaga |
| Encik Hidzir Bin Sulong | Lembaga |
| Tuan Haji Zainol Abidin Bin Ahmad | Lembaga |
| Encik Ami Omar Bin Mohamed | Lembaga |
| Encik Shafiqi Bin Mat <i>PJM</i> | Lembaga |
| Puan Hayati Binti Dato' Ismail | Lembaga |
| Encik Rahmad Bin Zakaria | Lembaga |
| Y.B.Ir Mansor Bin Musa <i>PKT, PJK</i> | Lembaga |

Jawatankuasa Audit Dalaman

| | |
|---|------------|
| Tuan Haji Ahmad Bin Razak | Pengerusi |
| Encik Razak Bin Maidin | Setiausaha |
| Encik Abdul Rahim B. Abdul Razak | Anggota |
| Puan Hajjah Sharifah Chik Bt. Syed Abdullah | Anggota |
| Tuan Haji Wahab Bin Nor | Anggota |
| Encik Rohaya@Yahya Bin Darus | Anggota |

SENARAI JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2007/2008

JAWATANKUASA KERJA (EXCO)

1. Tuan Haji Rahim Bin Osman *DJN, PJK* (2336) - Pengerusi
2. Encik Mohd. Nagib Bin Ahmad (1990)
3. Encik Mohd. Razib Bin Arshad (1839)
4. Tuan Haji Abu Bakar Bin Mohamad (0946)
5. Encik Rahmad Bin Zakaria (2379)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL SEBUTHARGA

1. Tuan Haji Rahim Bin Osman *DJN, PJK* (2336) - Pengerusi
2. Encik Mohd. Nagib Bin Ahmad (1990)
3. Encik Mohd. Razib Bin Arshad (1839)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL TENDER

1. Tuan Haji Rahim Bin Osman *DJN, PJK* (2336) - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin Bin Ahmad (2204)
3. Encik Shafiqi Bin Mat *PJM* (1697)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PENINGKATAN PERKHIDMATAN KEPADA ANGGOTA

1. Tuan Haji Abd. Majid Bin Makam *PJM* (0014) - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin Bin Ahmad (2204)
3. Encik Mohd. Daud Bin Saod (0365)
4. Encik Ch'ng Eng Kooi (2505)
5. Encik Nadarajan a/I Muniandy (0807)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PERUMAHAN ANGGOTA

1. Tuan Haji Rahim Bin Osman *DJN, PJK* (2336) - Pengerusi
2. Encik Hidzir Bin Sulong (2247)
3. Encik Yong Chin Foo (1716)
4. Encik Sivananthan Pillay a/I Palani (2078)
5. Tuan Haji Jamil Bin Mohamed @ Ahmad (1506)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL KAWALAN BANGUNAN DAN PENGUSAHA DI ATAS TANAH KTMSAB

1. Puan Hayati Binti Dato' Ismail (2539) - Pengerusi
2. Encik Shafiqi Bin Mat *PJM* (1697)
3. Tuan Haji Abo Bakar Bin Mohamad Yusoff (0639)
4. Tuan Haji Arbayee Bin Ibrahim (2233)
5. Encik Goh Chin Huat (1727)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL HUTANG PIUTANG

1. Encik Mohd. Nagib Bin Ahmad (1990) - Pengerusi
2. Encik Ami Omar Bin Mohamed (2137)
3. Encik Kamarudin Bin Bidin (2526)
4. Tuan Haji Jamil Bin Ishak (1803)
5. Encik Choo Choon Huah (1651)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN WANITA

1. Puan Hayati Binti Dato' Ismail (2539) - Pengerusi
2. Puan Pauziah Binti Ismail (2365)
3. Puan Tong Ah Noy @ Tong Guat Kooi (1674)
4. Puan Che Sam Binti Saiboo (2076)
5. Puan Che Sayang Binti Mustakim (2534)
6. Puan Siti Fatimah Binti Mat (1942)
7. Puan Norsiah @ Nooriah Binti Bakar (1335)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PENDIDIKAN DAN LATIHAN

1. Encik Mohd. Razib Bin Arshad (1839) - Pengerusi
2. Encik Rahmad Bin Zakaria (2379)
3. Tuan Haji Latib Bin Jaafar (1814)
4. Puan Hajjah Hasnah Binti Mohamed (1634)
5. Puan Mendarbi Binti Mydeen Meerana (1328)

KADAR CUKAI DAN FEE PEGUAM UNTUK PINDAHMILIK.

>> oleh: Siti Khatijah Hamid/Sabri Hazit

Bayaran Stamping.

| | |
|---------------|----|
| <RM100,000.00 | 1% |
| >RM100,000.00 | 2% |

Bayaran Fee Peguam.

| | |
|---------------|------|
| <RM150,000.00 | 1% |
| >RM150,000.00 | 0.7% |

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Sabri di talian 04-643 8515

Rangkaian Perniagaan


>> oleh: Arizan Ahmad

Kerepek & Biskut Raya

Sempena dengan Hari Raya Puasa yang bakal menjelang. Tuan/puan berpeluang menjual dan memasarkan kerepek & biskut raya. Sekiranya berminat segera hubungi Puan Arizan di talian 643 8515 (waktu pejabat).



Harga Promosi Hari Raya



Minuman Berperisa Karbonat Dengan Kandungan Gas Sederhana Buatan Usahawan Bumiputera Dengan Harga 3 botol RM5 / sedozen RM20.

Jualan Sempena Hari Raya bermula sekarang, sila hubungi Encik Mohamad Noh di talian 012-416 2017 untuk tempahan.

Koperasi Mempunyai Stesen Minyak Sendiri

Terletak di Sebahagian Lot 719, Mukim 10, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Tawaran daripada Petronas Dagang Bhd.

Sri Tunas Edar Sdn Bhd selaku anak syarikat akan menjadi wakil penjual bagi pihak Koperasi.

Melalui pembukaan stesen minyak ini dijangka mendapat manfaat seperti berikut:

- Kepelbagaiannya dalam aktiviti perniagaan Koperasi.
- Peluang pekerjaan kepada anggota, keluarga dan masyarakat.
- Pengembangan perniagaan anak syarikat.



Tapak pembinaan stesen minyak sedang giat dijalankan.
Arizan Ahmad

Khasiat dalam sebiji epal

>> oleh: Siti Khatijah Hamid

Memakan sebiji epal atau meminum jusnya setiap hari sudah cukup untuk membekalkan khasiat bagi mengurangkan kandungan kolestrol dalam badan. Kajian menunjukkan, epal mengandungi elemen kesihatan phytonutrient yang boleh melambatkan pengoksidan kolestrol yang tidak baik. - satu proses yang berperanan dalam pertumbuhan penyakit jantung. Kanak-kanak yang memakan makanan segera dan kemudian memakan epal atau meminum jusnya, ia sebenarnya menyeimbangkan kandungan zat dan mencegah berlaku lemak dalam badan.





Tempahan Langsir

Koperasi melalui Jawatankuasa Kecil Pembangunan Wanita telah mengumpulkan seramai 10 orang usahawan jahitan yang bersedia mengambil tempahan pelbagai fesyen langsir pada harga yang berpatutan.

Mereka menerima semua tempahan fesyen langsir untuk sebarang majlis. Kepada yang berminat: SILA HUBUNGI ARIZAN DI TALIAN 643 8515 (waktu pejabat)

Makluman

Kepada sesiapa yang mempunyai produk dan perkhidmatan untuk dijual. Anda dialukan memaklumkan kepada Editor Buletin supaya hebahan dapat dibuat.



Tips & Info

Gigi putih dan sihat

>> oleh: Arizan Ahmad

Diperkatai buah yang masam mengandungi asid salicylic dan asid sitrik yang mampu memutih permukaan gigi yang berkarat. Lumur dengan ramasan strawberi sebelum menggosok gigi sebelah pagi dan malam.



Pisang cegah angin ahmar

>> oleh: Siti Khatijah Hamid

Penduduk negara ini digalak memakan sekurang-kurangnya sebiji pisang bersaiz besar sehari kerana ia mampu menghindarkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada penyakit angin ahmar. Ini kerana pisang mempunyai kandungan potassium yang tinggi dan mengurangkan kebekuan darah dalam tubuh manusia. Pisang juga mempunyai kandungan yang boleh bertindak sebagai penyahoksidan dalam badan manusia. Walaupun buah pisang mempunyai pelbagai khasiat kesihatan tidak ramai yang mengambilnya kerana kurang pengetahuan.

Pangsapuri Seri Nilam

>> oleh: Norizan Abd. Rahman



Pelan Lokasi



Spesifikasi

| | |
|------------------------------|---|
| STUKUR DINDING BUMBUNG PINTU | - konkrit tetulang - dinding bata ringan - bumbung gentian - pintu utama-pintu kayu dekoratif - pintu bilik tidur dan dalaman-pintu rata papan lapis - pintu bilik mandi-pintu rata upvc |
| TINGKAP | - tingkap kaca berengsel berbingkai aluminium - tingkap kaca gelongsor berbingkai aluminium |
| KEMASAM LANTAI | - ruang tamu-jubin seramik - ruang makan-jubin seramik - ruang keluarga-jubin seramik |
| KEMASAN DINDING | - bilik tidur - jubin seramik - bilik air - jubin homogeneous tahan gelincir - dapur - jubin homogeneous tahan gelincir - luaran-lepaan simen dan cat kalis cuaca - dalaman-lepaan simen dan cat imulsi |
| SILING | - bilik mandi-jubin seramik - dapur-jubin seramik - unit pada tingkat-unit pada tingkat 10 - kepingan siling simen bebas asbestos - unit pada tingkat 1-9 - lepaan "skim coat" |
| KELENGKAPAN SAINITARI | - sinki dapur "Stainless steel" - 1 nos - manguk tandas duduk - 2 nos - besen basuh tangan - 2 nos - pancuran mandi - 2 nos - pemegang tisu tandas - 2 nos - manguk sabun - 2 nos |



Pelan Unit

Sana-Sini



>> Ahmad Jasni Ghazali

Dari kilang NEC...Lawatan sambil belajar dari Koperasi Necmal Berhad Negeri Selangor melihat-lihat koperasi-koperasi yang berjaya seperti Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada 13 Jul 2007.



>> Mohd Hafiz Rashid

Pameran....Expo hari koperasi negara 2007 yang berlangsung di Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur selama 4 hari bermula dari 20 Julai 2007 hingga 23 Julai 2007. Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad telah mengambil bahagian di tempat pameran expo tersebut.



>> Ahmad Jasni Ghazali

Menang kali kedua berturut-turut... Anugerah ketua menteri peringkat negeri Pulau Pinang sempena hari koperasi negara 2007 pada 7 Julai 2007 bertempat di Hotel Berjaya Pulau Tikus jam 8.00 Malam disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Dato' Seri Haji Abdul Rashid Bin Abdullah.



>> Ahmad Jasni Ghazali

Pendidikan...Seminar pendidikan anggota kali ke 2 anjuran KTMSAB dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) berlangsung selama 1 hari di KTMSAB pada 12 Ogos 2007. Kursus ini menekankan kepada latar belakang dan kefahaman di koperasi, struktur organisasi koperasi, hak dan tanggungjawab anggota.

Info Pembangunan

>> oleh: Norizan Abd. Rahman

Projek
Dalam
Pelaksanaan

Projek Taman Tunas Damai Fasa 1

- a. Pangsapuri Saujana (170 unit)
Pangsapuri Kos Sederhana)

Projek ini sedang dalam pembinaan. Kemajuan adalah pada tahap 55%. Sebanyak 60 unit telah di jual. Projek ini telah dibuka untuk jualan pada bulan November 2006.

Harga Jualan: Lebih kurang RM135,000.00 ke atas

Keluasan unit - 750 kaki persegi

Kemudahan yang disediakan:-

- i) Tempat Letak Kereta Berbumbung
- ii) Kawalan Keselamatan
- iii) Padang Permainan Kanak-kanak



Rumah pangsa kos rendah sehingga kini kemajuan pembangunan adalah lebih kurang 80%

Rumah kedai dan kedai pejabat adalah lebih kurang 65%

Pangsapuri Kos Sederhana 12 tingkat sehingga kini kemajuan pembangunan adalah lebih kurang 55%. Pembangunan ini memerlukan 85 orang anggota.

Projek Taman Tunas Muda Fasa 6

- a. Pangsapuri Seri Nilam (90 unit Pangsapuri Kos Sederhana)
- Harga Jualan: Lebih kurang RM152,250.00 ke atas.
- Keluasan Unit – 750 kaki persegi

Projek
Dalam
Pelaksanaan

Kemudahan yang disediakan:-

- i) Mini Gymnasium
- ii) Tempat Letak Kereta Berbumbung
- iii) Surau (dalam bangunan)
- iv) Dewan Kemudahan Masyarakat (dalam bangunan)
- v) Kawalan Keselamatan



Kerja-kerja pembangunan kini giat dilaksanakan.



Projek Relau Pagar Buloh Fasa 1B

- a. 2 Blok Pangsapuri Kos Sederhana (352 unit)
Blok A - 176 unit & Blok B - 176 unit

Harga Jualan: Lebih kurang RM150,000.00
Satu blok di peruntukan untuk anggota dan satu blok lagi untuk jualan.

Keluasan unit - 750 kaki persegi

Kemudahan yang disediakan:-

- i) Dewan Serbaguna
- ii) Kawalan Keselamatan
- iii) Tempat Letak Kereta Berbumbung



Perspektif bangunan

Projek
Dalam
Pelaksanaan

Informasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang diperolehi di **Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang**.
Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 04-262 1957 ext 5373.

Sana-Sini

>> oleh: Noriah Abd. Razak



Program Groom Big...
Taklimat mengenai aktiviti KTMSAB kepada rombongan yang terdiri daripada agensi pusat, MECD dan pegawai JPK seramai 25 orang yang melawat Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada 22 Mei 2007.



Belajar... Lawatan sambil belajar dari koperasi sekolah serta koperasi sekitar Muar dan pegawai JPK Muar negeri Johor melihat-lihat koperasi-koperasi yang berjaya seperti Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada 29 Mei 2007.



Jualan merdeka... Sebanyak tiga projek dilancarkan pada hari Sabtu (25 Aug 2007) bertempat di pejabat Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad bermula dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

>> Ahmad Jasni Ghazali



Tamat latihan jahitan... Majlis tamat latihan jahitan langsir oleh peserta-peserta wanita yang terdiri dari anggota koperasi anjuran JKK pembangunan wanita bersama Kolej Komuniti Bayan Baru telah disempurnakan di pejabat KTMSAB pada 20 Mac 2007.



Lihat-lihat... Lawatan sambil belajar dari koperasi-koperasi dan pegawai JPK negeri Johor ke Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada 24 Mac 2007.



Perihatin... Taklimat kemajuan projek Kg Perlis kepada penduduk sekitar Kg Perlis di rumah Cikgu Sharifah Chik pada 4 Mei 2007.

>> Ahmad Jasni Ghazali



>> Mohd Hilmie Rashid

Pendidikan

Program Latihan MKM Bagi Bulan October Hingga Disember 2007

>> oleh: Mohd Noh Hashim

| KOD/NAMA KURSUS | SASARAN | OBJKTIF KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|---|---|--|--------------------------------|
| IDB 258 Bengkel Penjenamaan dan Pembungkusan Makanan Ringan | Anggota Lembaga Koperasi Pengurus Koperasi Kakitangan Pengurusan Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi Usahawan/individu yang berminat | Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 mengenal pasti strategi dan proses-proses penting di dalam pemilihan jenama. 1.2 mengaplikasikan kaedah-kaedah pembungkusan khas untuk perniagaan makanan ringan. | 29/10 - 01/11/2007 (4 hari) |
| IDA 122 Pengurusan Risiko - Perspektif JAD | Jawatan Audit Dalaman Koperasi Anggota Lembaga Koperasi | Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 memahami fungsi audit di dalam pengurusan risiko di koperasi. 1.2 mengenal pasti proses penilaian dan pengurusan risiko di koperasi | 05/11 - 06/11/2007 (2 hari) |
| IDC 807 Bengkel Pembuatan Keputusan Untuk Pimpinan | Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalaman AJK Kecil Koperasi Pengurus, Eksekutif Koperasi dan Kakitangan Kanan Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi yang menyelia koperasi | Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 memahami faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum membuat keputusan. 1.2 memahami teknik-teknik dalam membuat keputusan. 1.3 berkeyakinan dalam membuat keputusan. | 12/11 - 14/11/2007 (3 hari) |
| IDC 314 Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi | Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalaman AJK Kecil Koperasi AJK Perhubungan Negeri/Daerah Pegawai | Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 mengetahui ciri-ciri pengurusan mesyuarat agung koperasi. 1.2 menguruskan mesyuarat agung koperasi dengan cekap dan berkesan | 26/11 - 29/11/2007 (4 hari) |
| IDC 805 Bengkel Asas Kepimpinan Koperasi | Anggota Koperasi Kakitangan Perkeranian Koperasi Kakitangan Am koperasi | Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 membina keyakinan diri untuk menjadi seorang pemimpin. 1.2 membina sikap positif dalam menghadapi cabaran-cabaran dalam koperasi. | 26/11 - 28/11/2007 (3 hari) |
| MA 200 Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi (Kursus Wajib) | Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi (JAD) | Pada akhir bengkel ini, peserta akan dapat:- 1.1 memahami peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi. 1.2 melaksanakan kerja audit dalam dengan menggunakan tatacara audit yang sesuai dan sistematis. | 03/12 - 04/12/2007 (2 hari) |

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 04-643 8515

Sidang Pengarang

Ketua Pengarang Puan Kamsiah Bt. Mohamad
Pengarang Encik Mohd Hilmi B. Rashid
Grafik Encik Mohd Hilmi B. Rashid
Pemberita Cik Noriah Bt. Abd Razak (STHSB) /
Puan Norizan Bt. Abd Rahman (STHSB) /
Encik Mohd Noh B. Hashim /
Puan Arizan Bt. Ahmad /
Puan Siti Khatijah Bt. Hamid
Jurugambar Encik Azmi B. Ahmad
Percitakan/Pengedaran Puan Hajah Che Maimunah Bt Kassim



Sidang Pengarang Buletin Tunas Muda mengucapkan ribuan terima kasih kepada bekas Ketua Pengarang Encik Mazalan Bin Nan yang telah menyumbangkan idea dalam penerbitan Buletin kerana beliau telah tamat perkhidmatannya (bersara) di KTMSAB pada hari Jumaat 17 Ogos 2007. Sidang pengarang juga mendoakan beliau selamat maju jaya dalam apa-apa bidang yang diceburinya.

Khidmat Anggota

>> oleh: Siti Khatrijah Hamid

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, kaunter anggota setempat kini ditempatkan di tingkat bawah pejabat Koperasi. Anggota ada masalah yang hendak diselesaikan dan perlu berjumpa dengan Pengurus atau Setiausaha, hari bersama Pengurus/ Setiausaha ditetapkan seperti berikut:

Hari : Setiap hari Jumaat
Minggu : Pertama (1) dan Ketiga (3)
Jam : 9 pagi - 12 tengahari

Bencana Alam

>> oleh: Siti Khatrijah Hamid

Merujuk kepada Aturan-aturan Kumpulan Wang Kebajikan Am Haji Hashim Bin Hanafi di bawah perkara:

Bayaran Kebajikan Am

No. 6.2.B - Bayaran kerana ditimpakan bencana alam/kemalangan atas harta benda.

- Apabila seseorang anggota itu ditimpakan bencana alam/kemalangan atas harta bendanya, maka setinggi-tinggi bantuan yang boleh diberikan adalah sebanyak RM5,000.

- Nilai bantuan tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara lembaga.

Kaedah Permohonan:

1. Melalui borang yang disediakan oleh Koperasi atau melalui surat permohonan daripada anggota.

2. Dokumen yang perlu dilampirkan:

- Laporan polis
- Gambar yang berkaitan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Puan Norsidah** di talian **04-643 8515**

Bantuan Kebajikan Am (Khairat Kematian) Tahun 2007 (RM2,500.00 Seorang)

>> oleh: Siti Khatrijah Hamid

AL-FATIHAH / TAKZIAH

| BIL | NAMA | NO. ANGGOTA | UMUR | TARIKH MENINGGAL |
|-----|------------------------|-------------|------|------------------|
| 1 | MOHD. NOOR BIN SIRUN | 0021 | 73 | 13.01.2007 |
| 2 | SAHALE BIN ABDUL GAFOV | 1640 | 53 | 18.01.2007 |
| 3 | FATIMAH BT. YUSOFF | 0390 | 62 | 25.01.2007 |
| 4 | YEOP BIN SAAD | 0185 | 84 | 21.02.2007 |
| 5 | TAN TIN LAM | 0681 | 70 | 24.02.2007 |
| 6 | SITI ZAUYAH BT. ISMAIL | 1278 | 61 | 04.03.2007 |
| 7 | ISMAIL BIN BIDIN | 0123 | 69 | 11.04.2007 |
| 8 | OMAR ZUKI BIN BAHARI | 2541 | 50 | 18.04.2007 |
| 9 | CHUAH AH BARK | 0542 | 78 | 20.04.2007 |
| 10 | ROSIAH BT. CHE MEH | 1952 | 72 | 06.05.2007 |
| 11 | ABDUL HAMID BIN MAKAM | 0015 | 72 | 23.05.2007 |
| 12 | CHE SOM BT. TAHIR | 2632 | 84 | 09.07.2007 |
| 13 | CHE SAHAT BIN MAT | 2008 | 64 | 11.07.2007 |
| 14 | CHE MAT BIN HASIM | 0219 | 70 | 12.07.2007 |
| 15 | AHMAD BIN MUHAMAD ISA | 0499 | 67 | 11.08.2007 |
| 16 | BAHARI BIN UDIN | 0100 | 75 | 17.08.2007 |

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-



Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama No. Anggota

No.Kad Pengenalan No. Telefon

Alamat Baru

Tandatangan Tarikh



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
Tel: 04-6438515 Fax: 046437507